



جامعة ماليزيا

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

30

JABATAN BENDAHARI

Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld. VIX
Tarikh : 17 Januari 2007

PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/2007

Dekan / Pengarah / Ketua
Fakulti / Pusat / Bahagian / Institut
Universiti Kebangsaan Malaysia dan
Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAN BIL. 7 TAHUN 2006:
PINDAAN KE ATAS ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) 103**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas. Bersama-sama ini disertakan Surat Pekeling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2006; Pindaan Ke Atas Arahan Perbendaharaan (AP) 103 untuk makluman Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan selanjutnya.

Sukacita Jabatan menarik perhatian Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan kepada perenggan 2. surat tersebut seperti berikut:


2. Mulai tarikh SPP ini, Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat hendaklah memastikan bahawa bil dan tuntutan dibayar dengan segera tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh ianya diterima. Dengan itu, AP103 adalah dipinda seperti berikut:

"103(a) Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat hendaklah meminta supaya semua bil dan tuntutan disampaikan dengan seberapa segera. Dalam Arahan ini, bil dan tuntutan-tuntutan adalah termasuk juga invois, borang perakuan bayaran (Borang Perakuan Bayaran Siri JKR 66) dan inden kerja sama ada di bawah Peruntukan Mengurus, Pembangunan, Tanggungan atau Amanah. Mereka hendaklah memastikan bahawa bil dan tuntutan itu dibayar dengan segera tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh ianya diterima atau selaras dengan syarat-syarat perjanjian atau kontrak mengikut mana yang berkenaan."

Sukacita sekiranya maklumat tersebut dapat diedarkan kepada semua pegawai dan kakitangan di Fakulti / Pusat / Bahagian / Insititut Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk makluman dan tindakan masing-masing dengan menghantar semua bil/tuntutan yang telah diterima dan disahkan, dihantar ke Jabatan Bendahari dalam tempoh 3 hari untuk diuruskan bayaran.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL
Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

S.k:

- Y.Bhg. Prof. Dato' Naib Canselor, UKM.
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor, UKM.
- Pendaftar, UKM.

/aj/C/Pekeling10/2006

Bahagian Perolehan, Bayaran & Stor Pusat, Jabatan Bendahari
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-89215033, 03-89214099, 03-89215137, 03-89215967 Fax: 03-89215693





KEMENTERIAN KEWANGAN

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 7 TAHUN 2006

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

PINDAAN KE ATAS ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) 103

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bilangan 1 Tahun 2002 telah meminda AP103 mengenai bil-bil hendaklah dibayar dengan segera. AP103(a) menghendaki bil-bil yang diterima daripada pembekal dan kontraktor dibayar dengan segera tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh bil tersebut diterima.

2. Mulai tarikh SPP ini, Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat hendaklah memastikan bahawa bil dan tuntutan dibayar dengan segera tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh ianya diterima. Dengan itu, AP103 adalah dipinda seperti berikut:

"103(a) Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat hendaklah meminta supaya semua bil dan tuntutan disampaikan dengan seberapa segera. Dalam Arahan ini, bil dan tuntutan-tuntutan adalah termasuk juga invois, borang perakuan bayaran (Borang Perakuan Bayaran Siri JKR 66) dan inden kerja sama ada di bawah Peruntukan Mengurus, Pembangunan, Tanggungungan atau Amanah. Mereka hendaklah memastikan bahawa bil dan tuntutan itu dibayar dengan segera tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh ianya diterima atau selaras dengan syarat-syarat perjanjian atau kontrak mengikut mana yang berkenaan.

(b) Bagi mematuhi Arahan di atas, Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat hendaklah menyenggara suatu Daftar Bil yang menunjukkan maklumat seperti terkandung di dalam Lampiran V. Daftar ini hendaklah diperiksa tidak kurang daripada sekali sebulan oleh Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat atau wakilnya yang diberi kuasa dan hendaklah ditandatangan ringkas. Penyenggaraan Daftar Bil secara manual seperti di Lampiran V adalah dikecualikan bagi Kementerian/Jabatan/Pusat Tanggungjawab yang melaksanakan sistem eSPKB di mana Daftar Bil adalah disediakan secara elektronik."

3. Dengan berkuat kuasanya SPP ini, SPP Bil. 1 Tahun 1999 (Tambahan Pertama Kepada SPP Bil. 10 Tahun 1995), SPP Bil. 6 Tahun 2001 (Tambahan Kedua Kepada SPP Bil. 10 Tahun 1995) dan SPP Bil. 1 Tahun 2002 adalah dibatalkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Tan Sri Izzuddin bin Dali)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

31 Oktober 2006

s.k. Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri

